

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, May 12, 2019 1:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Dan Astro Rai Mahasiswa Dan Anak Yatim Berbuka Puasa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 MEI 2019 / 07 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

UUM DAN ASTRO RAI MAHASISWA DAN ANAK YATIM BERBUKA PUASA



UUM ONLINE: Lebih 1,000 mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) dan anak-anak yatim sekitar Kedah dan Perlis diraikan dalam majlis berbuka puasa anjuran ASTRO dengan kerjasama Inapan Siswa (Inasis) TNB dan School of Creative Industry Management & Performing Arts (SCIMPA) di perkarangan Inasis TNB baru-baru ini.

Menurut Penerbit Kanan Astro GO, Raja Faraadiana Raja Muzaffar, program khidmat komuniti ASTRO yang dinamakan "Sempurna Seadanya Ramadan Astro-UUM 2019" itu bertujuan mendekatkan ASTRO dengan mahasiswa universiti khususnya yang berada di luar Kuala Lumpur.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa bagaimana menikmati ASTRO apabila berada di dalam kampus melalui aplikasi ASTRO GO selain menyumbang semula kepada komuniti sempena Ramadan dengan meraikan mahasiswa dan anak-anak yatim berbuka puasa. Kami rasa sangat bertuah kerana UUM menerima kami dengan tangan yang terbuka," ujarnya.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata kerjasama itu merupakan hubungan strategik antara UUM dan badan korporat bagi meraikan mahasiswa dan anak-anak yatim sempena Ramadan.

Program turut diserikan dengan persembahan selebriti seperti Nabila Razali, Sufian Suhaimi, Amir Masdi serta Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Bro Acap dan PU Hilmi

Selain itu, Dr. Hendrik turut menyampaikan sumbangan Ramadan kepada anak-anak yatim yang hadir pada majlis berkenaan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.